



An-Nasihah

Nasihat Menasihat Dengan Kebenaran dan Kesabaran—Badan Dakwah & Rohani (BADAR)
Sekolah Agama Menengah Hisamuddin Sungai Bertih, Klang

EDISI 2009, KELUARAN I

6 FEBRUARI 2009 (10 SAFAR 1430)

KANDUNGAN :

- Salam Ukhuwah (Pengenalan)
- Kelebihan Menuntut Ilmu
- Senyumlah
- Syarat Dalam Pergaulan

“Janganlah kamu menjadi orang yang “ikut-ikutan” dengan mengatakan “Kalau orang lain berbuat kebaikan, kami pun akan berbuat baik dan kalau mereka berbuat zalim kami pun akan berbuat zalim”. Tetapi teguhkanlah dirimu dengan berprinsip, “Kalau orang lain berbuat kebaikan kami berbuat kebaikan pula dan kalau orang lain berbuat kejahatan kami tidak akan melakukannya.” (HR. Tirmidzi)

Salam Ukhuwwah (Pengenalan)

Assalamu'alaikum warahmatullah.

Alhamdulillah, segala puji dan puja dipanjatkan kepada Tuhan Yang Memiliki Alam Semesta.

Salawat dan salam buat Junjungan Mulia, Nabi Muhammad sallALLAHU 'alaihi wasallam, ahli keluarga Baginda, para sahabat Baginda seluruhnya.

Amma ba'd.

Dengan keizinan dan rahmat ALLAH, maka terbitlah buletin ringkas yang diterbitkan oleh Badan Dakwah dan Rohani ini. InsyaaALLAH, buletin ringkas ini akan diterbitkan setiap 2 minggu buat tatapan warga SAMHSB. Tujuan utama tidak lain, melainkan untuk kita saling ingat-mengingati supaya kita dapat terus berjalan di atas landasan

kebenaran yang mendambakan redha ALLAH subhanahu wata'ala.

ALLAH subhanahu wata'ala berfirman yang maksudnya:

“Demi Masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali yang beriman dan beramal soleh. Dan nasihat menasihati agar menurut kebenaran dan nasihat menasihati agar bersabar (menghadapi halangan).”

Surah al-Asr, 103: 1-3

Mudah-mudahan kita tergolong di kalangan hamba ALLAH yang tidak rugi kerana mengambil inisiatif untuk


saling ingat-mengingati sesama kita.

Dari Abu Ruqayyah Tamiim bin Aus Ad-Daari radhiyallahu'anhu, sesungguhnya Nabi sallAllahu 'alaihi wasallam pernah bersabda: **“Agama itu adalah nasihat”**. Kami (sahabat) bertanya: **“Untuk siapa?”** Baginda sallAllahu 'alaihi wasallam bersabda: **“Untuk Allah, kitab-Nya, rasul-Nya, pemimpin-pemimpin**

(Bersambung ke muka surat 2)



Kelebihan Menuntut ILMU



“Barangsiapa yang mengajarkan suatu ilmu, maka baginya pahala orang yang mengamalkannya tanpa mengurangi dari pahala orang yang mengamalkannya sedikitpun.” (HR. Ibnu Majah)

“Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan” (al-Mujaadilah: 11)

“Jika seorang anak Adam meninggal dunia, maka amal perbuatannya terputus kecuali 3 perkara, iaitu SEDEQA H JARIAH atau ILMU YANG BERMANFAAT atau ANAK SOLEH yang MENDOAKANNYA.” (HR Muslim)

“Barangsiapa yang menempuh jalan dalam rangka mencari ilmu, maka ALLAH akan memudahkan baginya jalan menuju syurga.” (HR Muslim)

Salam Ukhuwwah (Pengenalan)

(Dari muka surat 1)

umat islam, dan untuk seluruh muslimin.” (HR.Muslim)

Dalam hadith di atas, Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam telah mengatakan bahawa agama yang kita anuti ini, iaitu ISLAM adalah didirikan dengan nasihat. Untuk apa nasihat itu? Nasihat adalah bertujuan agar kita (muslim) dapat menunaikan hak-hak ALLAH, KitabNya, RasulNya, para pemimpin ummat ISLAM dan seluruh muslimin. Padanya, terdapat tanggungjawab untuk kita laksanakan.

Disebabkan oleh fitrah manusia adalah selalu lupa. Maka, se-

bab itulah kita mesti selalu diingatkan agar tidak melupakan tanggungjawab kita untuk menunaikan hak-hak yang disebutkan di atas. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat, amin ya rabbal 'alamin.

Semoga dengan terbitnya buletin ringkas ini dapat dijadikan salah satu wadah untuk melaksanakan seruan nasihat-menasihati sesama kita di SAMHSB yang kita kasihi ini, insyaALLAH. Kami, guru-guru BADAR mengharapkan ia dapat memberi kebaikan kepada

warga sekolah dan diterima ALLAH subhanahu wata'ala sebagai hasanah di sisiNYA, amin.

Sebarang teguran dan penambahbaikan amat kami alu-alukan.

-Cikgu Shah-

Badan Dakwah & Rohani (BADAR)

SAMHSB



Senyumlah...

Jika Engkau

Mahu Orang

Lain Senyum

Kepadamu.



“Jangan meremehkan sedikitpun tentang makruf meskipun hanya menjumpai kawan dengan berwajah ceria (Senyum).” (HR. Muslim)

Syarat Dalam Pergaulan

Soalan:

Saya pernah mendengar terdapat hukum atau adab tertentu yang ditetapkan untuk berhubung antara lelaki dan perempuan. Adakah situasi ini dibenarkan antaranya bertanya khabar keluarganya, perubatan, jual-beli, berkenalan untuk mengahwininya dan berdakwah kepada ISLAM?

Jawapan:

Adab atau syarat yang tertentu telah ditetapkan dalam ISLAM untuk berhubung dengan wanita ajnabi dalam al-Quran:

“Dan apabila kamu meminta

sesuatu yang harus diminta daripada isteri-isteri Nabi maka mintalah kepada mereka dari sebalik tabir. Cara yang demikian lebih suci bagi hati kamu dan hati mereka.” - Surah al-Ahzab, 33 : 53

“Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut dan manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu) dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).” - Surah al-Ahzab, 33 : 32

Ibnu Kathir rh berkata:

“ ALLAH memerintahkan agar percakapan lelaki dan wanita ketika berhubung dengan tegas, jelas dan sopan, iaitu ringkas tanpa ada maksud lain. Tidak boleh bercakap dengan suara yang mengoda, manja dan lembut. Perbuatan ini dilarang oleh syarak.”

Berhubung bercakap dengan wanita ajnabi dalam urusan jual-beli, dakwah, pembelajaran dan memberi fatwa perlu dalam keadaan yang tegas tanpa berlebih-lebihan. Ini menghalang daripada berlakunya fitnah hati yang mengarah kepada perbuatan yang tercela.

Seorang wanita hendaklah menggunakan bahasa dan adab yang sopan tanpa meninggi suara dan tidak pula untuk tujuan mengoda. Selagi tidak merangsang nafsu, ia dibolehkan ISLAM. Berhubung dengan lelaki ajnabi hanya dalam keadaan tertentu sahaja. Seorang wanita solehah akan menjaga maruah dan dirinya daripada fitnah lelaki.

(Rujuk fatwa Syeikh Muhammad Soleh al-Munajjid)